

D273

U B611 DEB
MAHATHIR - UMNO R R R

KUALA LUMPUR, 27 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SEKALI LAGI MENEGASKAN PENTINGNYA PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN.

HANYA MELALUI PERPADUAN SAHAJA, RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN AKAN SAMPAI KE SEGENAP TEMPAT DI NEGARA INI, KATANYA PADA PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGAIAN KEPONG DI SINI, HARI INI.

BELIAU JUGA MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA MELEBIHI SEGALA-GALANYA DALAM PERJUANGAN MEREKA DAN SENTIASA MENGEKALKAN SEMANGAT 1954, IAITU PERINGKAT AWAL PENUBUHAN UMNO DAHULU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, +MELALUI PERPADUAN, ORANG MELAYU YANG SUATU WAKTU DAHULU HIDUP BERASINGAN DI NEGERI-NEGERI KECIL BERJAYA MENENTANG RANCANGAN PENJAJAH BRITISH UNTUK MENUBUHKAN MALAYAN UNION,+.

KATANYA, PADA MASA ITU TIDAK ADA KEKAYAAN, KEPANDAIAAN DAN KELENGKAPAN SENJATA DI KALANGAN ORANG MELAU TETAPI MELALUI PERPADUAN, +KITA MENJADI SAUATU BANGSA YANG KUAT UNTUK MENCABAR SATU KUASA BESAR DUNIA ZAMAN ITU.+ -- LAGI.

1243MST 27 04 86

D274

U B612 DEB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU MEMINTA SEMUA LAPISAN RAKYAT MENGENANG SEJENAK BETAPA HINANYA HIDUP DI BAWAH KUASA PENJAJAH KERANA RAKYAT, TERUTAMANYA ORANG MELAYU MASA ITU LANGSUNG TIDAK MEMPUNYAI KEDUDUKAN.

+ KALAU ADA PELUANG BEKERJA DI PEJABAT, KITA HANYA LAYAK MENJADI BUDAK PEJABAT, WALAUPUN KETIKA ITU KITA BERUMUR 50 TAHUN, MASIH DIGELAR BUDAK PEJABAT,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN DISAMBUH OLEH GELAK KETAWA ANGGOTA PERMAKILAN.

BELIAU BERKATA, SELEPAS MENCAPAI KEMERDEKAAN, PARA PENIMPIN BERJAYA MEMBUKTIKAN YANG MEREKA BOLEH MENTADBIRKAN NEGARA DENGAN AMAN DAN MENGALAMI PEMBANGUNAN LEBIH PESAT DARIPADA PADA ZAMAN BRITISH.

PERDANA MENTERI MEMBIDAS SESETENGAH ORANG YANG MASIH BERTANYA +APA KITA DAPAT DARIPADA KEMERDEKAAN SELAMA HAMPIR 30 TAHUN ITU?+

+ MEREKA SEBENARNYA INGIN MENDAPATKAN SESUATU UNTUK DIRI MEREKA SENDIRI DAN JIKA MEREKA INGAF DAN MELIHAT KEJAYAAN ORANG MELAYU SEPERTI DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERINDUSATRIAN, TENTU MEREKA SEDAR,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI.

1245MST 27 04 86

D277

U B615 DEB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WALAPUN UMNO BERJAYA MELAWAN BRITISH DAN RANCANGAN-RANCANGAN MEREKA SEPTA MENGGAGALKAN GAGASAN MALAYAN UNION, UMNO MEMBUAT PERTIMBANGAN WARAS DALAM MEMBENTUK KERJASAMA ANTARA KAUM DI MALAYSIA.

BELIAU BERKATA, PERPADUAN KAUM YANG KUKUH ITU AKHIRNYA TERCEMAR DENGAN ANGKARA KOMUNIS YANG MENIMBULKAN TRAGEDI 13 MEI 1969.

+BAGAIMANAPUN, DALAM MASA SINGKAT KITA BERJAYA MENGAMANKAN NEGARA DAN PERPADUAN MENJADI LEBIH JITU DAN INI TERBUKTI TERUTAMANYA DENGAN PENUBUHAN BARISAN NASIONAL,+ TEGAS BELIAU.

MENURUT PERDANA MENTERI, KERJASAMA KAUM, TERUTAMANYA DALAM BARISAN NASIONAL TERBUKTI BERJAYA APABILA KAUM MINORITI DI SESUATU KAWASAN SEPAKAT MEMILIH CALON BARISAN NASIONAL DAN MENENTUKAN KEJAYAAN CALON BERKENAAN.

+MISALNYA, BATU BERENDAM, MELAKA ADALAH KAWASAN MAJORITI MELAYU TETAPI KITA MELETAKKAN CALON DARIPADA KETURUNAN CINA DAN HASIL KERJASAMA PARA PENGUNDI, CALON BARISAN NASIONAL BERJAYA, BEGITU JUGA DENGAN KAUM-KAUM LAIN YANG MENGUNDI CALON UMNO,+ KATANYA. -- LAGI.
1251MST 27 04 86

D278

U B616 DEB
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN SETIAP ANGGOTA UMNO AGAR BERJUANG DALAM PARTI DENGAN FIKIRAN TERBUKA DAN MEREKA YANG BERJUANG DENGAN EMOSI SERTA CUBA MENGUGUT-UGUT PARTI TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT.

+PERASAAN TIDAK BOLEH MEMBAWA KEPUASAN TETAPI AKAN MEMBAWA KEGAGALAN,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MEMINTA SETIAP LAPISAN RAKYAT MEMASTIKAN KEJAYAAN KERAJAAN MELEBIHI 50 PERATUS MAJORITI DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG KERANA KERAJAAN TANPA MAJORITI BESAR AKAN MENGHADAPI MASALAH.

KATANYA, DALAM POLITIK, YANG PENTING ADALAH KEMENANGAN PARTI DAN BUKAN HANYA KEMENANGAN INDIVIDU DARIPADA SESUATU PARTI ITU.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BAHAWA SOAL SIAPA YANG MEMIMPIN PARTI TIDAK PENTING KERANA DIA HANYA SIMBOL PERPADUAN PARTI DAN YANG PENTING SEKALI IALAH BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN PARTI, KEPENTINGAN BANGSA MELAYU DAN SEKALI GUS KEPENTINGAN RAKYAT MALAYSIA.

DALAM MAJLIS ITU JUGA, KETUA UMNO BAHAGIAN KEPONG, ENCIK ABBAS OSMAN MENYERAHKAN CEK BERNILAI \$2,000 KEPADA SETIAUSAHA PERHUBUNGAN UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN, ENCIK YAHYA TAIB UNTUK TABUNG KOMPLEKS UMNO. -- BERNAMA.

1254MST 27 04 86